

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 CIRI-CIRI TULISAN BAHASA CINA

Bahasa Cina merupakan salah satu jenis bahasa yang tertua di dunia. Bahasa Cina telah wujud hampir 6000 tahun yang lalu (Zhu, 1988:128), dan kini terdapat 9.4 bilion penduduk di dunia menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa ibunda. Penggunaan bahasa Cina tersebar luas ke seluruh pelosok dunia sehingga menjadi bahasa yang mempunyai pengguna yang terbesar, yakni hampir satu perempat daripada penduduk dunia (Hu, Xun dan Deng 1990:4).

Bahasa Cina merupakan bahasa yang istimewa yang digolongkan dalam rumpun bahasa Sino Tibet. Berbeza daripada bahasa-bahasa yang dibentuk daripada huruf-huruf, setiap perkataan (*character*) Cina bukanlah perkataan yang melambangkan bunyi semata-mata, sebaliknya perkataan Cina merupakan gabungan bunyi, bentuk dan makna. Dengan kata lain, setiap perkataan Cina mengandungi bunyi, bentuk dan makna yang tersendiri. Ciri-ciri keistimewa ini telah menjadikan perkataan-perkataan Cina agak sukar dipelajari dan dikuasai.

Perkataan Cina berbentuk segi empat. Oleh itu, perkataan Cina juga dikenali sebagai *fangkuai zi* (方块字), yakni ‘perkataan segiempat’. Mengikut Wang (1994:5), kini

terdapat 54,678 patah perkataan yang dimuatkan dalam Kamus Bahasa Han (汉语大字典). Bagaimanapun, menurutnya, jumlah perkataan yang biasa digunakan ialah 3,500 patah.

Berbeza daripada perkataan-perkataan bahasa lain di dunia ini yang dibentuk daripada abjab-abjab atau huruf-huruf Rumi, perkataan Cina terbentuk daripada ‘stroke-stroke’ atau *bihua* (笔画). Perkataan yang paling ringkas boleh dibentuk dengan hanya menggunakan satu atau dua ‘stroke’. Bagaimanapun, perkataan yang kompleks boleh dibentuk dengan menggunakan ‘stroke’ sehingga lebih daripada 30 ‘stroke’(Zhang dan Jiang 1988:153). Pada asasnya, perkataan Cina dibentuk dengan menggunakan lapan jenis ‘stroke’, yakni:

- i. 点 dian (titik)
- ii. 横 heng (‘stroke’ mendatar)
- iii. 竖 shu (‘stroke’ tegak)
- iv. 撇 pie (‘stroke’ jatuh kiri)
- v. 捺 na (‘stroke’ jatuh kanan)
- vi. 提 ti (‘stroke’ menaik)
- vii. 折 zhe (‘stroke’ belok)
- viii. 钩 gou (‘stroke’ cangkuk) (Hu,Xun dan Deng,1990:113)

Daripada lapan jenis ‘stroke’ yang asas ini, terhasil 30 jenis ‘stroke’ lagi yang digunakan untuk membentuk perkataan-perkataan Cina (Chai, 1994:79). Mengikut Wang

(1994:7), daripada 3500 patah perkataan Cina yang telah diringkaskan cara penulisannya, setiap perkataan secara purata mengandungi 9.7 ‘stroke’. Daripada jumlah ini, terdapat 318 patah perkataan atau 9.1% mempunyai ‘stroke’ melebihi 15 manakala terdapat banyak lagi perkataan seperti nama orang, nama tempat yang melebihi 20 ‘stroke’. ‘Stroke’ yang banyak ini menyebabkan perkataan-perkataan Cina amat sukar ditulis dan dikuasai dengan baik kerana sekiranya tersalah menulis sesuatu ‘stroke’ pada perkataan tertentu mungkin akan membawa makna yang berlainan terhadap perkataan berkenaan.

Satu lagi ciri unik tulisan Cina ialah kesukaran untuk menyebut sesuatu perkataan. Setiap perkataan Cina mewakili satu bunyi, dan setiap bunyi ini perlu dihafal dan diingati. Ini adalah berbeza daripada bentuk tulisan yang lain yang boleh disebut dengan mengejakan perkataannya. Kesukaran mengingat dan mengenali setiap perkataan Cina bertambah kerana terdapatnya perkataan yang mempunyai banyak bunyi atau perkataan-perkataan yang mempunyai bunyi yang sama. Sehubungan itu, penguasaan tulisan Cina bukanlah satu usaha yang mudah dan ini telah menyebabkan salah guna perkataan Cina dalam penulisan karangan merupakan satu perkara yang sukar dielakkan.

1.2 KEPENTINGAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN

Kemahiran menulis karangan merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap orang di samping kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Kemahiran mengarang sangat dititikberatkan kerana dianggap sebagai kemahiran yang paling penting

yang perlu diajar dalam mana-mana sistem pendidikan. Pelajar mula diajar kemahiran mengarang secara formal sejak di peringkat sekolah rendah. Pengajaran kemahiran ini akan diteruskan sehingga ke peringkat sekolah menengah.

Menurut Ishak Harun (1979:9), mengarang merupakan sebahagian daripada kemahiran penting yang perlu dimiliki oleh pelajar sejak di bangku sekolah kerana sebahagian besar daripada pendidikan formal memerlukan kerja-kerja menulis dan mengarang sebagai kaedah untuk menyampaikan maklumat, idea, perasaan dan pendapat. Ini bukan sahaja tertumpu kepada mata pelajaran bahasa tetapi juga mata-mata pelajaran lain.

Abdul Aziz (1985:690) pula mengatakan bahawa mengarang ialah teknik pengujian yang paling penting dan kerap digunakan untuk menguji kemahiran penulisan pelajar terutamanya di peringkat persekolahan menengah.

Begitu juga pendapat Faraded (1992:3) yang menyatakan bahawa kepentingan kemahiran ini lebih nyata lagi dalam peperiksaan. Ini kerana tingkat kecekapan pelajar menulis dan mengarang sangat mempengaruhi tingkat pencapaiannya dalam ujian dan peperiksaan yang memerlukan jawapan yang dikarang dengan jelas dan teratur dalam bentuk tulisan.

Yu (1992:157) telah mengatakan bahawa pengajaran penulisan karangan merupakan satu aspek yang amat penting dalam pengajaran bahasa. Mengikut beliau,

penulisan karangan merupakan satu cara untuk menilai penguasaan bahasa seseorang pelajar, dan perlu dititikberatkan. Menurut beliau lagi, penguasaan kemahiran penulisan karangan akan secara langsung meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur, dan membaca pelajar.

Dalam kehidupan seharian, kita juga tidak terpisah daripada kecekapan menulis, terutamanya dalam konteks yang formal. Kita memerlukan kecekapan ini untuk membuat laporan, surat-menyurat, menulis cerpen, sajak dan sebagainya.

Memandangkan kemahiran mengarang adalah begitu penting dan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan setiap orang, maka pengajaran menulis dan mengarang di sekolah menengah khususnya adalah bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang berkemampuan menyampaikan fikiran dan dapat berkomunikasi melalui penulisan secara berkesan dengan anggota masyarakat yang lain.

1.3 PENULISAN KARANGAN DALAM MATA PELAJARAN BAHASA CINA

KBSM

Menurut Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah 1988, karangan ialah kombinasi penulisan yang dapat membina kemahiran dalam melahirkan perasaan, fikiran, pendapat dan mengatakan pengalaman melalui penulisan.

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Cina KBSM 1987, mata pelajaran Bahasa Cina sekolah menengah bertujuan membimbing pelajar menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi dan tidak rasmi melalui lisan dan penulisan. Ini juga bermakna bahawa karangan ialah satu komponen yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Cina dan amat penting untuk dikuasai oleh para pelajar untuk mencapai tujuan tersebut.

Dalam mata pelajaran Bahasa Cina, karangan menduduki tempat yang sangat penting dalam peperiksaan, khususnya peperiksaan awam. Dalam peperiksaan PMR, lebih daripada satu pertiga atau 35% daripada markah keseluruhan kertas tersebut diperuntukkan untuk menilai kemahiran penulisan karangan pelajar. Begitu juga dengan mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM, markah yang diberi untuk bahagian ini ialah 70% daripada Kertas Satu ataupun dengan kata lain 35% daripada markah keseluruhan kertas Bahasa Cina. Dalam peperiksaan STPM pula, 40% daripada markah keseluruhan adalah untuk menilai penulisan karangan. Dengan hal yang demikian, ternyata penulisan karangan yang baik memainkan peranan yang amat penting untuk memperoleh keputusan atau gred yang baik dalam peperiksaan awam.

Pendek kata, Sukatan Pelajaran Bahasa Cina KBSM amat mementingkan kemahiran mengarang para pelajar agar mereka benar-benar dapat menguasai kemahiran ini bagi tujuan berkomunikasi yang efektif.

1.4 CIRI-CIRI KARANGAN YANG BAIK

Melalui pernyataan-pernyataan di atas, ternyata bahawa kemahiran mengarang amat penting dan perlu dikuasai oleh para pelajar dengan baik. Akan tetapi, untuk menghasilkan karangan yang berkesan dan menarik bukanlah satu perkara yang mudah. Pada dasarnya, sesuatu karangan yang baik dikatakan mesti mempunyai struktur binaan yang terdiri daripada bahagian pendahuluan, isi dan penutup. Pandangan ini telah disetujui oleh Awang, Illias dan Raminah (Loy, 1995:41).

Bagaimanapun, menurut Loy (1995:45-47), Raminah, Sofia dan Juriah telah menambah satu ciri lagi, iaitu ciri-ciri dalaman, di samping ciri-ciri luaran yang tersebut di atas. Ciri-ciri dalaman yang dimaksudkan itu ialah: penyatuan, pertautan, penekanan dan gaya penyampaian.

Menurut Loy (1995:44) sendiri pula, sesebuah karangan yang baik juga perlu memaparkan penggunaan bahasa yang baik dan menarik kerana bahasa berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan isi dan buah fikiran. Menurut beliau lagi, selain bahasa, ejaan juga mesti diberikan perhatian yang sewajarnya. Di samping itu, tanda baca, penggunaan huruf besar dan kecil juga merupakan faktor yang penting dan fungsinya dalam bahasa adalah besar sekali.

Mengikut pandangan Koh (1982:3), untuk menulis karangan yang baik yang panjangnya 250 patah perkataan, seseorang pelajar sekolah menengah rendah perlu ada

pengetahuan yang bersabit dengan tajuk berkenaan, di samping kebolehan yang memadai dalam penggunaan perbendaharaan kata dan tatabahasa untuk menyampaikan idea-idea tentang tajuk berkenaan.

Azman (1987:16) mempunyai pandangan yang hampir sama dengan pandangan Koh. Menurut beliau, di samping perlu berfikir secara berkesan, pelajar juga perlu menguasai kosa kata, tatabahasa, peribahasa dan stil penulisan. Keempat-empat faktor ini akan menentukan mutu penghasilan penulisan karangan.


Guth (1975) pula menegaskan bahawa kriteria untuk penulisan karangan yang baik ialah:

- i. *Good writing is coherent. It hangs together. Take up one major point at a time, so that the reader can get his bearings. Move on in such a way that the reader can follow. Make him see the connections. Make him feel he is moving ahead according to an overall plan.*
- ii. *Good writing is well written. Show that you care about language, about words. Take time to find the right word. Take time to disentangle a snarled sentence.*

Corbin (1966:34) merumuskan bahawa sesebuah karangan yang unggul harus memiliki isi kandungan yang sesuai dengan menggunakan bahasa yang bebas daripada kesalahan bahasa. Dengan ini, karangan yang baik harus mengandungi dua aspek utama, iaitu aspek isi dan aspek bahasa. Aspek isi yang dimaksudkan merangkumi ciri-ciri

kerelevan isi dan penyusunan isi sementara aspek bahasa pula meliputi ciri-ciri struktur dan gaya, pemilihan kata dan aspek mekanis.

Kriteria yang hampir sama juga dapat dilihat dalam Rajah Proses Penghasilan Penulisan yang diubahsuai daripada Raimes(1983) (oleh Raminah, Sofia dan Juriah 1990:182). Daripada rajah tersebut, jelas didapati bahawa untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik, aspek-aspek seperti isi, penyusunan, pemilihan kata, sintaksis dan mekanis tidak boleh diabaikan.



Rajah 1

Proses Penghasilan Penulisan

Ciri-ciri yang dibincangkan di atas lebih merujuk kepada penulisan karangan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dalam penulisan karangan bahasa Cina, sesebuah karangan yang baik pada asasnya perlu juga mempunyai ciri-ciri tersebut. Menurut Zhang (1985), sesebuah karangan yang baik mesti mempunyai empat ciri, iaitu mempunyai isi yang padat, bernas dan tersusun; penggunaan perbendaharaan kata yang memadai; pembentukan ayat yang gramatis; penggunaan tanda baca yang betul; tulisan yang jelas dan kemas.

Zhu (1994:1) pula mengatakan bahawa dalam peperiksaan awam, sesebuah karangan yang baik mesti mencakupi kehendak-kehendak berikut:

- i. Isi kandungan : tepat dan bernas,
- ii. Penyampaian : ayat gramatis, diskriptif yang jelas;
- iii. Penyusunan : pemerengganan yang jelas dan betul;
- iv. Penggunaan kata/ tatabahasa : Penggunaan kata dan tanda baca yang betul, elakkan salah tulis dan salah guna perkataan.

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, jelas diketahui bahawa banyak faktor akan menentukan penghasilan sebuah karangan yang baik dan bermutu. Selain isi, penyampaian, penyusunan dan bahasa, aspek mekanis juga perlu diambil berat kerana kesalahan tersebut juga akan menjelaskan gambaran pemeriksa terhadap mutu karangan tersebut dan seterusnya menjelaskan pemerolehan markah yang baik. Hal yang demikian

biasanya berlaku dalam karangan bahasa Cina yang melibatkan salah tulis dan salah guna perkataan. Ini kerana setiap perkataan Cina mempunyai erti dan sebutan yang berlainan dalam konteks yang berlainan. Salah tulis dan salah guna perkataan yang berlaku mungkin akan membawa makna yang berlainan dan mungkin juga menyebabkan maksud yang hendak disampaikan itu tidak jelas sehingga mengakibatkan mutu karangan terjejas.

1.5 PERNYATAAN MASALAH

Seseorang pelajar yang mempelajari bahasa Cina mula belajar menulis perkataan Cina sejak Darjah Satu. Malahan ada antara mereka telah menguasai asas menulis perkataan Cina semasa di tadika. Pada dasarnya, seseorang pelajar yang telah menjelak langkah ke sekolah menengah, sudah dapat menulis perkataan Cina dengan baik. Mengikut Laporan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah tahun 1990 yang dilakukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, lebih kurang 75% pelajar SRJK (C) telah mencapai tahap yang baik dalam penguasaan penulisan bahasa Cina.

Bagaimanapun, angka ini tidak menunjukkan bahawa pelajar sudah dapat menguasai kemahiran menulis dan menggunakan perkataan Cina dengan memuaskan. Ciri-ciri bahasa Cina adalah unik, yakni setiap perkataan mempunyai erti dan sebutan yang berlainan dalam konteks tertentu. Perkataan-perkataan Cina yang mempunyai bentuk yang hampir serupa atau mempunyai bunyi yang sama kerap menimbulkan kekeliruan kepada

pelajar. Akibatnya pelajar sering melakukan salah tulis dan salah guna perkataan dalam penulisan karangan.

Mengikut Zhu (1994:3), kesulitan yang dihadapi atau kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan ialah terlalu banyak perkataan yang disalahtuliskan atau disalahgunakan. Akibatnya, gambaran pemeriksa terhadap karangan tersebut terjejas.

Salah tulis dan salah guna perkataan juga menjadi satu masalah atau faktor yang menjelaskan pemerolehan markah karangan murid-murid sekolah rendah dalam peperiksaan awam. Menurut Laporan Peperiksaan UPSR 1994, murid-murid daripada golongan lemah didapati banyak melakukan kesalahan. Selain isi karangan cetek, ayat yang tidak lancar, salah tulis dan salah guna perkataan juga merupakan satu kelemahan yang serius. Ini telah menjadi salah satu sebab mereka gagal menyampaikan buah fikiran dengan tepat dan menarik.

Dalam Laporan Prestasi SRP, 1987, 1988; SPM, 1987 juga dicatatkan masalah yang sama. Dalam Laporan Prestasi SRP 1988 telah dinyatakan bahawa contoh salah tulis dan salah guna perkataan yang dilakukan oleh calon adalah seperti berikut:

| | |
|----------|----------|
| 庆(祝) → 祝 | (已)经 → 已 |
| 自(己) → 已 | 目(的) → 地 |
| 一(切) → 却 | 一(直) → 至 |
| (从)新 → 重 | |

Laporan Prestasi SPM pada tahun 1987 pula telah mengemukakan contoh-contoh salah tulis dan salah guna perkataan yang dilakukan oleh calon peperiksaan seperti berikut:

| | | | | | |
|------|---|---|------|---|---|
| (即)使 | → | 既 | (应)该 | → | 因 |
| 报(纸) | → | 子 | 主(办) | → | 辨 |
| (戒)烟 | → | 戎 | 在(籍) | → | 藉 |

Berdasarkan laporan-laporan tersebut, ternyata bahawa masalah salah tulis dan salah guna perkataan wujud pada semua peringkat, baik murid sekolah rendah mahu pun pelajar sekolah menengah rendah dan atas. Kesalahan ini berlaku boleh dikatakan kerana keunikan perkataan Cina yang mempunyai bentuk yang hampir sama atau mempunyai bunyi sebutan yang sama atau hampir sama.

Pada ketika ini, hanya terdapat satu kajian tempatan yang ada meninjau masalah salah tulis dan salah guna perkataan. Pengkaji yang dimaksudkan ialah Ngeh Hoong Eng (1994) yang meninjau kesalahan bahasa Cina di kalangan murid-murid Melayu di SRJK (C). Ini bererti masih terdapat ketandusan dalam kajian terhadap pelajar Cina. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar Cina yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah menengah rendah. Dapatkan kajian ini akan dapat memberikan petunjuk kepada para guru tentang masalah salah tulis dan salah guna perkataan yang dihadapi oleh pelajar. Ini diperlukan agar guru lebih peka dan sensitif terhadap masalah berkenaan, dan dapat mencari jalan untuk mengurangkan kesalahan-kesalahan tersebut dalam penulisan karangan agar mutu karangan para pelajar dapat ditingkatkan.

1.6 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti masalah salah tulis dan salah guna perkataan yang dilakukan oleh pelajar Tingkatan Satu dalam karangan mereka, iaitu:

- i. Meneliti masalah salah tulis dan salah guna perkataan yang terdapat dalam karangan pelajar;
- ii. Mengkategorikan jenis-jenis salah guna dan salah tulis perkataan yang dilakukan oleh pelajar; dan
- iii. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kesalahan tersebut berlaku.

1.7 SOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba mendapatkan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan dari segi jumlah kesalahan antara salah tulis perkataan dengan salah guna perkataan dalam karangan pelajar Tingkatan Satu?
- ii. Apakah jenis-jenis salah tulis dan salah guna perkataan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan ?
- iii. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan salah tulis dan salah guna perkataan?

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana pengkaji berharap maklumat yang diperoleh nanti dapat membantu para guru untuk meningkatkan mutu karangan pelajar. Dengan mengetahui jenis-jenis salah tulis dan salah guna perkataan yang sering dilakukan oleh pelajar semasa menulis karangan, dan juga faktor-faktor yang menyebabkan kesalahan tersebut berlaku, diharapkan dapat memberikan maklumat kepada para guru mata pelajaran Bahasa Cina agar mereka dapat mencari penyelesaian untuk mengurangkan kesilapan ini demi meningkatkan mutu karangan pelajar.

1.9 BATASAN KAJIAN

Kajian ini ialah satu penyelidikan terhadap karangan 40 orang pelajar Tingkatan Satu dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik, Petaling Jaya. Hanya empat buah karangan daripada setiap pelajar akan digunakan untuk membuat analisis.

Aspek yang diteliti adalah dari segi aspek salah tulis dan salah guna perkataan dalam karangan-karangan tersebut sahaja. Oleh sebab kajian ini hanya dijalankan terhadap 40 orang pelajar, maka dapatan kajian ini mungkin tidak dapat digunakan untuk membuat generalisasi terhadap populasi yang lebih besar.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini dapat memperlihatkan corak salah tulis dan salah guna perkataan dalam karangan pelajar yang dikaji. Dengan demikian, langkah-langkah tertentu dapat diambil untuk mengurangkan masalah ini bagi manfaat para pelajar.

1.10 DEFINISI ISTILAH-ISTILAH PENTING

1.10.1 Salah Tulis

Mengikut Zhu (1988:332), Yu (1990:16), Huang (1991:307) dan Chen (1996:97), salah tulis perkataan merujuk kepada salah tulis sesuatu ‘stroke’ atau salah struktur, sehingga menjadikan perkataan tersebut bukanlah satu perkataan yang betul. Perkataan ini tidak terdapat dalam senarai perkataan Cina ataupun tidak dimuatkan dalam kamus.

Wang (1994:73) pula menyatakan bahawa salah tulis perkataan adalah menulis lebih atau kurang ‘stroke’, atau salah menulis bahagian tertentu.

Daripada definisi-definisi ini, dapat dirumuskan bahawa salah tulis perkataan dapat disamakan dengan salah ejaan yang terdapat dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, salah tulis perkataan merujuk kepada perkataan yang disalahtuliskan oleh pelajar, sama ada kurang atau lebih ‘stroke’, ataupun salah radikal atau komponen. Perkataan-perkataan ini tidak terdapat dalam mana-mana kamus bahasa Cina.

1.10.2 Salah Guna

Zhu (1988:332), Yu (1990:16), Huang (1991:307) dan Chen (1996:97) mengatakan bahawa salah guna perkataan berlaku apabila sesuatu perkataan telah disalahgunakan dalam konteks ayat tertentu. Dengan kata lain, yang hendak ditulis ialah perkataan A tetapi telah menggunakan perkataan B untuk maksud perkataan A. Salah guna perkataan biasanya hanya dapat dikesan pada frasa atau rangkai kata .

Gao dan Ma (1988:121) mengatakan bahawa salah guna perkataan berlaku apabila seseorang menggunakan sesuatu perkataan yang cara penggunaannya tidak diterima oleh masyarakat umum.

Wang (1994:73) pula mentakrifkan salah guna perkataan sebagai menggunakan sesuatu perkataan yang sama bunyi atau hampir sama bunyi untuk menggantikan perkataan yang sepatutnya.

Dengan hal yang demikian, salah guna perkataan dalam kajian ini merujuk kepada perkataan yang disalahgunakan dalam konteks ayat tertentu. Perkataan tersebut mungkin sama bunyi atau hampir sama bunyi, hampir sama bentuk, ataupun hampir sama bunyi dan bentuk dengan perkataan yang betul.

1.10.3 Karangan

Mengikut Raminah dan Rahim (1985:183), karangan ialah penglahiran perasaan dan fikiran secara bertulis berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru dalam jumlah perkataan yang terhad dan masa yang telah ditetapkan oleh guru.

Koh (1982:2) pula menyatakan bahawa karangan ialah hasil daripada kerja mengarang dan satu proses melahirkan satu idea atau satu rangkaian idea dalam bentuk penulisan secara tersusun dan logik.

Collins Cobuild English Language Dictionary (1993) pula mendefinisikan *composition* sebagai ‘*a piece of written work, especially one that you write at school to show your skill and imagination*’ (Loy, 1995:19).

Dalam kajian ini, karangan merujuk kepada hasil daripada kerja mengarang pelajar sendiri sama ada dilakukan di dalam kelas atau di rumah berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru.